



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI MALAYSIA**  
**2018 QUARRYING CONFERENCE AND EXHIBITION (2018 CONEX)**

**23 OKTOBER 2018**

---

1. YBM Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji, Timbalan Menteri Air Tanah dan Sumber Asli telah menyempurnakan **2018 Quarrying Conference and Exhibition (IQM CONEX 2018)** bertempat di The Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya pada hari ini.
2. Turut hadir di persidangan dua hari anjuran Institute of Quarring Malaysia Bhd. dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia itu ialah YBhg. Datuk Haji Shahar Effendi bin Abdullah Azizi, Ketua Pengarah, Jabatan Mineral Geosains Malaysia (JMG) dan Yang Berusaha Ir. Lee Kam Fatt, Presiden Institut Kuari Malaysia Bhd.
3. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) berperanan membangunkan sumber mineral dan batuan negara untuk menjana kegiatan ekonomi yang mendatangkan pendapatan kepada negara supaya hasil dan pulangan tersebut dapat dikongsi dan diagihkan untuk dinikmati bersama oleh rakyat. KATS mengalu-alukan apa jua kegiatan atau sumbangan pihak swasta dalam membangunkan ekonomi negara seperti berbentuk penganjuran persidangan atau seminar untuk memajukan industri mineral dan batuan negara seperti industri pengkuarian.

4. Statistik pada 2017 menunjukkan terdapat 399 buah kuari di Malaysia yang mengeluarkan pelbagai jenis agregat batuan berjumlah 146 juta tan metrik dengan granit, batu kapur dan batu pasir merupakan jenis batuan yang terbanyak di kuari. Bilangan kuari mengikut negeri adalah Sarawak (70), Perak (63), Johor (58), Sabah (51), Pahang (30) and Selangor (27). Pengeluaran agregat 2017 bertambah 8.9% kepada 146 juta tan metrik berbanding 133 juta tan metrik pada tahun sebelumnya.

5. Penganjuran persidangan ini sememangnya dialu-alukan memandangkan industri pengkuarian sememangnya diiktiraf seluruh dunia sebagai asas kepada pembekalan bahan pembinaan kepada struktur-struktur berinovasi, prasarana dan kemudahan-kemudahan awam yang bertujuan memberi kesejahteraan dan kemudahan kepada rakyat. Beberapa contoh kejayaan industri pengkuarian ialah seperti Menara Berkembar Petronas, Lebuhraya Utara Selatan dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya. Contoh terakhir masa kini ialah pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo di Sabah dan Sarawak.

6. .IQM CONEX yang diadakan saban tahun merupakan satu-satunya acara tahunan berkenaan pengkuarian Malaysia yang berjaya mengumpul dan mempertemukan kapten industri pengkuarian terkemuka, pengusaha kuari, pembekal peralatan dan jentera, pemegang taruh, pegawai kerajaan, pensyarah dan penuntut universiti. Persidangan ini diadakan pada Oktober setiap tahun.

7. Tema “**Digital Transformation towards Quarrying Industry 4.0**” sememangnya bertepatan dengan era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) masa kini. Ini kerana IR 4.0 akan menjadi cabaran kepada kelangsungan (survival) industri kerana tanpa penerimaan pakai ia akan menyebabkan

industri pengkuarian Malaysia tidak kompetitif dan tertinggal jauh ke belakang. Contoh teknologi IR 4.0 yang perlu diterima pakai adalah seperti tren terkini dalam automasi dan teknologi maklumat, kaedah pengeluaran mineral secara mampan dan pengetahuan mesra alam sekitar.

8. Di samping itu, langkah ke arah meningkatkan profesionalisme dalam industri pengkuarian perlu terus dipertingkatkan. Pengusaha kuari dengan kerja sama *training providers* adalah disaran menyediakan pelbagai kursus dan latihan untuk meningkatkan kompetensi setiap pekerja di kuari. Sehubungan itu, langkah IQM menubuhkan Quarrying Academy seharusnya patut dipuji demi untuk mempertingkatkan kompetensi dan profesionalisme industri ke tahap yang lebih tinggi.